

# Malaysia ramai orang kaya sebab dasar transformasi kerajaan

**KUALA LUMPUR** - Malaysia mempunyai ramai jutawan di bawah kategori individu berpendapatan tinggi bersih (HNWI) berikutan kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh kerajaan.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, kejayaan program

GTP dan ETP membolehkan sektor perniagaan dalam negara berkembang pesat sekali gus melahirkan ramai individu yang mempunyai kekayaan setaraf jutawan.

"Kejayaan ETP dan GTP melancarkan proses operasi perniagaan dan bilangan jutawan di Malaysia turut didorong oleh perkemban-



NOORIZUDDIN

London bahawa Malaysia mempunyai seramai 26,015 jutawan

gan sektor kewangan, hartanah dan pembinaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan firma penyelidikan Pusat Pangkalan Data Risiko Wealthinsight yang berpangkalan di

pada tahun lalu.

Kerajaan melancarkan GTP dan ETP pada tahun 2010 dengan tujuan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah negara yang lebih maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Mohamad Noorizuddin bagaimanapun tidak menolak kemungkinan perkembangan harga pasaran perumahan dan hartanah yang meningkat mendorong kepada peningkatan bi-

langan jutawan di Malaysia.

Menurutnya, ia berdasarkan laporan penyelidikan itu yang menunjukkan kebanyakan jutawan Malaysia itu terlibat dalam bidang kewangan dan pelaburan, hartanah, pembinaan dan kejuruteraan,

Beliau bagaimanapun melahirkan kebimbangan ramai jutawan itu mengaut keuntungan dalam negara tetapi kemudian melaburkan wang mereka ke luar negara.